

PM: Amaran enam kali MetMalaysia tak diendah

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** dan **OMAR ZIN**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan enam kali amaran cuaca signifikan yang boleh mengakibatkan hujan lebat berterusan Disember lalu.

Namun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, amaran cuaca itu tidak diendahkan sesetengah pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan bencana.

“Ini kerana andaiannya hanya negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terjejas akibat banjir dibawa hujan lebat berterusan ekoran luruan monsun.

“Persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh juga lebih banyak tertumpu kepada negeri-negeri di Pantai Timur dan banjir luar biasa di Selangor yang berlaku ini adalah di luar jangkaan banyak pihak,” katanya dalam Mesyuarat Khas Penggal Keempat Parlimen Ke-14 di Dewan Rakyat, semalam.

Jelasnya, angin monsun timur laut yang sepatutnya bertuip ke Laut Andaman telah melalui Selat Melaka ekoran sistem tekanan rendah di perairan tersebut.

“Keadaan ini telah mencestuskan hujan lebat yang luar biasa terutamanya di negeri Selangor.

“Banjir di Selangor yang bermula pada 18 Disember 2021 telah berlaku akibat daripada jumlah purata taburan hujan luar biasa iaitu 380 milimeter



ISMAIL Sabri Yaakob dalam Mesyuarat Khas Penggal Keempat Parlimen Ke-14 di Dewan Rakyat, semalam. - IHSAN JAB. PENERANGAN

pada hari tersebut yang menyamai jumlah purata taburan hujan bagi tempoh sebulan. Pada masa yang sama, kejadian air pasang telah menyebabkan banjir ini lebih buruk,” katanya.

Berikutan itu, Ismail Sabri berkata, situasi kelam-kabut pada hari pertama pengurusan banjir di Selangor telah mengakibatkan pasukan penyelamat menghadapi kesukaran untuk menjalankan operasi.

Dalam isu sama, Ismail Sabri mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) mempercepatkan penggubalan Akta Pengurusan Bencana.

Katanya, penggubalan itu

adalah salah satu langkah penyelesaian jangka panjang yang dirangka kerajaan ketika ini.

“Selain itu, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat akan memanggil mesyuarat yang melibatkan Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil-wakil kerajaan negeri untuk kita membuat perancangan jangka panjang yang menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir,” katanya.

Ismail Sabri turut memberi jaminan ramalan awal banjir yang lebih tepat akan dikeluarkan

pada masa akan datang.

Katanya, ramalan itu akan diperkasa menerusi Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB).

Dari segi hebahan kepada orang awam, Ismail Sabri berkata, kaedah-kaedah terbaik dan terantas untuk mengeluarkan amaran awal dan arahan bersedia khususnya kepada penduduk di kawasan rendah dan berisiko banjir perlu ditambah baik.

“Misalnya, menggunakan aplikasi *WhatsApp*, *push notification* melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi,” katanya.